

Scroll down for translation:

# Yahoooooo! Saya dilamar Google



Gagal ulang kali tak patahkan semangat mohon kerja di syarikat ulung Internet

► ROSEBI MOHD SAH  
rosebi@sph.com.sg

SEJAK di universiti beliau mengidam bekerja dengan syarikat antarabangsa Google di Silicon Valley, Amerika Syarikat.

Oleh itu, Encik Muhammad Mohsin memohon pekerjaan dengan syarikat terkemuka dan berprestij itu walaupun belum tamat pengajiannya di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Beliau tidak mendapat sebarang jawapan, namun tidak putus asa.

Encik Muhammad berulang kali memohon lagi selepas tamat pengajiannya dalam bidang pengurusan sistem maklumat di SMU pada 2009.

Beliau tetap dikecewakan.

Akhirnya, beliau membuka syarikat sendiri dan beroperasi dari rumah sebagai jurutera sofwe bagi pelanggannya.

Bagaimanapun pada September lalu, selepas lebih tiga tahun tamat pengajian, Encik Muhammad, 30 tahun, terkejut dan berasa seolah-olah bermimpi – beliau dilamar Google.

Encik Muhammad menerima e-mel daripada ibu pejabat Google di Mountain View, California, Amerika Syarikat, menawarkan beliau pekerjaan sebagai jurutera sofwe dengan syarikat itu.

"Saya mulanya macam tak percaya kerana sudah sekian lama saya menantikan tawaran ini, tak ada respons. Tetapi tak semena-mena peluang ini terbuka untuk saya. Alhamdulillah," ujarnya.

Menurut Encik Muhammad, beliau ditawarkan pekerjaan sebagai jurutera sofwe bagi pembangunan aplikasi telefon bimbit dan iPad untuk Apple.

Namun sebelum itu, Encik Muhammad perlu menjalani ujian bagi membuktikan kebolehnya melaksana tugas tersebut.

Beliau diwawancara dan diuji menerusi persidangan video dari kondonya di Meyer Road lebih sejam dan lulus.

Selang beberapa hari kemudian, Encik Muhammad diminta datang ke ibu pejabat Google bagi wawancara dan ujian kelayakan selanjutnya.

"Ujian kali kedua itu begitu sukar. Saya diwawancara enam kali dalam masa sehari oleh enam jurutera sofwe di sana dan menjalani ujian.

"Alhamdulillah saya lulus kesemua ujian itu dan akhirnya ditawarkan pekerjaan yang saya idam-idamkan," ujar Encik Muhammad.

Namun, beliau tidak dapat memulakan pekerjaan itu dengan segera disebabkan masalah pengurusan visa yang ketat untuk bekerja sepenuh masa di Amerika.

Namun Encik Muhammad terus berusaha, termasuk mendapatkan bantuan Kementerian Luar Singapura bagi mempercepat pengurusan visanya itu.

"Alhamdulillah akhirnya pada awal Ramadan ini, visa saya diluluskan dan saya terus memberitahu ibu pejabat Google. Saya akan berangkat pada Hari Raya ketiga untuk memulakan tugas baru saya itu," kata beliau, penuh ghairah.

Menurut Encik Muhammad, semasa

menjalani ujian dan wawancara di ibu pejabat Google, beliau mendapati ramai bakat asing dari pelbagai negara bertugas di sana.

Daripada apa yang diketahuinya, terdapat 20 warga Singapura kini bekerja di sana.

"Walaupun gembira, saya harus dapat menyesuaikan diri dengan pantas pada budaya dan kehidupan di sana.

"Saya perlu berdikari kerana saya ke sana seorang diri dan tidak pernah bekerja di luar negeri.

"Meninggalkan keluarga, terutama ibu bapa yang saya kasihi, membuat perasaan saya berbaur gembira dan sedih," kata Encik Muhammad.

Namun bapa beliau, Haji Mohsin Mohamed, 70 tahun, seorang pesara jurutera pesawat, berkata pendedahan di Silicon Valley baik bagi anak bongsunya itu.

"Walaupun kami sedih, ini satu pengalaman dan pendedahan yang baik bagi Muhammad. Dia seorang anak yang matang dan saya yakin beliau dapat menyesuaikan diri dan bertugas dengan baik di sana, insya-Allah," ujar Haji Mohsin.

Ibunya pula, Cik Saliah Abdullah, 67 tahun, berasa sukar berpisah daripada anak kesayangannya itu.

"Kalau boleh, saya ingin Muhammad bekerja di sini saja. Tetapi pekerjaan ini sudah menjadi impiannya.

"Walaupun rasa berat sekali, mak cik akan terus berdoa untuk kejayaan dan keselamatan Muhammad," ujarnya penuh terharu.

Pasangan itu mempunyai empat anak.





**Translation:**

**Though he failed to receive any reply, he was determined to apply for a position in the top Internet company**

**CHASING DREAMS: He's happy after securing his dream job at Google in Silicon Valley, but Mr Muhammad feels sad because he has to leave his family on the third day of Hari Raya Aidilfitri.**

SINCE his university days, he had wanted to work with Google at Silicon Valley, in the US.

Mr Muhammad Mohsin then applied for a post with the prestigious company although he had not yet completed his studies at the Singapore Management University (SMU).

He did not receive any reply but he was not disappointed.

Mr Muhammad reapplied several times to the company after completing his Information System Management course at SMU in 2009. Again and again he failed to receive any reply.

Finally he set up his own company - operating from home as a software engineer for his clients. And last September, three years after his graduation, Mr Muhammad, 30, received a surprise which he thought was a dream – he had received an offer from Google.

In an email, Google's headquarters in Mountain View, California, USA, had offered him a post as a software engineer with the company. "I could not believe it initially because it's been a while since I waited for this offer, and there was no reply. "Suddenly I received the offer. Thank God," he said.

Mr Muhammad was offered a post as a software engineer for the development of Apple's mobile and iPad applications. But before that, Mr Muhammad had to take a test to prove his capability in carrying out the task.

He was interviewed and tested via video conferencing for more than an hour from his home at Meyer Road and he passed.

A couple of days later, Mr Muhammad was asked to make his way to Google's headquarters for an interview where he was further tested.

"The second test was a lot more difficult. There, I was interviewed six times by six software engineers within a day and had to take another test.

"Thank God I cleared all and was finally offered my dream job," said Mr Muhammad.

But due to tight visa administrative rules relating to full-time jobs in the US, he could not start work immediately.

Mr Muhammad persevered, and he sought the help from Singapore's Foreign Affairs to expedite his visa application.

"Thank God by early Ramadan, my visa application was approved and I immediately informed Google's headquarters.

"I will be leaving on the third day of Hari Raya to start my new job," exclaimed Mr Muhammad happily.

According to him, while he was being tested and interviewed at Google's headquarters, he saw foreign talent from various countries working there. He gathers that there could be some 20 Singaporeans working there.

"Although I'm happy, I must adapt fast to the culture and lifestyle there.

"I need to be independent because I'll be on my own and I've never worked overseas before.

"There's this mixed feeling of happiness and sadness leaving my family, especially my parents," said Mr Muhammad.

But his retired engineer father, Haji Mohsin Mohamed, 70, said that such exposure at the Silicon Valley is good for his youngest child.

"Yes we're sad, but this is good experience and exposure for Muhammad. He is mature and I'm sure he'll be able to adapt himself and work well, if God permits," said Haji Mohsin.

His mother Madam Saliah Abdullah, 67, on the other hand, feels being away from her beloved child is tough for her.

"If it is possible, I would like Muhammad to work here. But then this has been his dream job. Even with a heavy heart, I will always pray for Muhammad's success and safety," she said sadly.

The elderly couple has four children.